



# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**


**TAJUK :**

**IBRAH DAN PENGAJARAN  
UMAT PALESTIN**



ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "IBRAH DAN PENGAJARAN UMAT PALESTIN ".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا

2

وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلُ الْمُؤْمِنُونَ<sup>١</sup>

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فِيَآءِيَهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاِيَ بِتَفْوِي اللَّهِ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ  
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

5

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

6

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**IBRAH DAN PENGAJARAN UMAT PALESTIN.**"

<sup>1</sup> al-Tawbah : 51.



Berat mata memandang berat lagi bahu memikul. Betapa besarnya ujian yang menimpa umat Palestin **sukar untuk digambarkan**. Penduduk Palestin telah lama hidup di bawah pendudukan Israel. **Sepanjang kehidupan mereka, rakyat Palestin telah ditindas** dan dizalimi dalam banyak aspek kehidupan seperti kebebasan mereka untuk bergerak, **hak untuk mencari rezeki, hak memiliki tanah dan rumah.** Rampasan dan pemusnahan harta serta penempatan haram oleh Israel di **Palestin khususnya di Tebing Barat dan Gaza** telah berlaku secara sistematis dan terancang. Namun begitu, dalam **menyelami** konflik tersebut terdapat ibrah dan pengajaran kepada umat Islam untuk melihat perkara tersebut dengan mendalam **dan memahami hikmah disebalik sesuatu kejadian.** Berikut beberapa ibrah dan pengajaran yang dapat diambil daripada konflik yang berlaku di Palestin:

7

Berikut beberapa ibrah dan pengajaran yang dapat diambil daripada konflik yang berlaku di Palestin:

Ibrah dan pengajaran **utama atas pencerobohan yang berlaku di bumi Palestin ini adalah betapa perlunya umat Islam bersatu padu, bekerjasama, bermuafakat dan saling membantu antara satu sama lain kerana perpaduan itu membawa kekuatan, kemajuan dan keberkatan kepada umat Islam.** Islam melarang umatnya dari berpecah-belah, bersengketa, berseteru kerana ia akan mengakibatkan kehancuran kepada sesuatu tamaddun serta hilangnya jati diri umat Islam. **Umat Islam perlu membina kekuatan untuk bersaing** dari sudut fizikal, rohani, kemahiran, kekuatan ketenteraan, ekonomi termasuk aspek sains dan penciptaan teknologi moden. Kesemua ini perlu dilakukan **supaya** umat Islam mempunyai **kekuatan, maruah, harga diri dan dihormati kawan dan lawan tanpa bergantung kepada dunia Barat.** Kesemua ini dapat **dilaksanakan jika umat Islam bersatu-padu dan berpegang teguh kepada agama Allah dalam menghadapai pelbagai dugaan dan cabaran.**

8



Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 103 yang bermaksud:

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.

9

Umat Islam hendaklah sentiasa bertawakal dan jangan sesekali berputus asa dari rahmat Allah. Firman Allah SWT dalam **Surah al-Zumar ayat 53 :**

قُلْ يَعِبَادِي الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَّحْمَةِ اللَّهِ  
إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الظُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

10

"...janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa, sesungguhnya Dia lah juga yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

11



Di antara ibrah pengajaran besar yang dapat dicontohi dari tragedi yang menimpa rakyat Palestin adalah sikap mereka yang benar-benar bertawakal kepada Allah dan menyerahkan segala urusan negara dan hidup mereka kepada Allah. Meskipun menghadapi dugaan yang maha hebat di dunia ini, rakyat Palestin terus tabah dan cekal berjuang di dalam mempertahankan tanah air dan keluarga mereka dan dalam masa yang sama berserah kepada Allah sepenuhnya di dalam menentukan masa depan mereka. Mereka berhak mendapat keadilan dan hidup bebas di bumi sendiri. Begitu juga, kesatuan ukhuwah yang utuh dipamerkan oleh umat Palestin meskipun terdapat perbezaan politik di kalangan rakyat Palestin. Penindasan yang berterusan terhadap mereka menjadikan umat Palestin cekal, tabah dan terus bangkit melawan ketidakadilan yang mereka alami.

12

Kita rakyat Malaysia perlu bersyukur atas keamanan yang kita kecapi di Negara kita selama ini. Seperti rakyat di negara-negara lain, rakyat Palestin juga mempunyai keinginan kepada keamanan dan mengimpikan sebuah negara yang berdaulat. Keinginan ini menjadi sumber motivasi kepada umat Palestin untuk terus nekad berjuang bagi mendapatkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

13

Ketahanan dan kekuatan rohani rakyat Palestin menunjukkan ketahanan yang luar biasa dalam menghadapi tentangan dan kesulitan dalam menghadapi kemaraan serangan musuh yang bertali arus. Kekuatan dan semangat umat Palestin istiqamah kekal berjuang meskipun berada dalam keadaan yang sangat sukar tanpa makanan dan minuman jauh sekali kemudahan asas yang lain merupakan pengajaran yang dapat memotivasi ketahanan umat Islam. Ketahanan ini memerlukan keimanan yang tinggi, kepercayaan kepada kekuasaan Allah, kesabaran, daya ketahanan jiwa dan mental yang kuat dan kesungguhan berjuang dijalan Allah. Tanpa kesungguhan, kekuatan jiwa dan mental umat Palestin mungkin tidak mampu bertahan dan mencapai kejayaan.

14



Di samping itu, sokongan dan solidariti semua pihak terhadap isu kemanusiaan membuka mata dunia untuk melihat kebenaran. Konflik ini telah menarik perhatian pemimpin dan masyarakat dunia dari pelbagai negara dunia untuk menentang kezaliman. Sokongan dunia Barat terhadap Israel menggambarkan sikap double standard terhadap hak-hak kemanusiaan yang sering diperkatakan oleh mereka. Oleh itu, umat Islam perlu berhati-hati dengan falsafah perjuangan hak kemanusiaan yang digembar-gemburkan oleh dunia Barat agar tidak terperangkap dengan dakyah dan perancangan yang meminggirkan hak rakyat Palestin. Lebih mendukacitakan apabila ramai dalam kalangan orang Islam yang terpesona dan tertawan dengan falsafah hak asasi manusia barat yang mengelirukan umat.

15

Sebagai orang yang beriman marilah kita mengambil tanggungjawab untuk bersama menghulurkan bantuan dan sumbangan material dan spiritual seperti tenaga, idea, wang ringgit serta doa yang berterusan dengan harapan Allah memakhbulkan doa kita agar di suatu ketika nanti rakyat Palestin akan mengecapi kemenangan dan kemerdekaan dari cengkaman Zionis-Israel. Sekecil mana sekalipun sumbangan dan doa kita pasti akan dapat menyuntik semangat kepada rakyat Palestin untuk terus berjuang menegakkan kebenaran dan mempertahankan negara mereka. Kemenangan bagi umat Islam itu pasti dan kerugian bagi orang-orang zalim juga pasti, cuma hanya Allah sahaja mengetahui bilakah semua ini akan berlaku.

16

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersama;

1. Terus kekal istiqamah berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT memohon agar rakyat Palestin dikurniakan ketabahan, kesabaran dan kekuatan rohani bagi memperjuangkan tanah air mereka dari cengkaman kezaliman Zionis-Israel.

17



Hadis daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أُنْصُرْ أَخَالَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا

18

"Bantulah saudaramu yang zalim dan juga yang dizalimi."

(Riwayat al-Bukhari).

Dalam hadis ini kita sedia maklum bahawa Baginda Rasulullah menyuruh kita membantu orang yang ditindas dan dizalimi.

2. Menyebarluaskan berita kekejaman Zionis-Israel di media-media sosial dan menentang dakyah dan berita palsu yang disebarluaskan oleh media-media pro-Israel yang menyembunyikan kebenaran yang sebenar. Ini kerana, propaganda yang dimainkan oleh Zionis-Israel menggambarkan seolah-olah mereka yang menjadi mangsa kezaliman. Sebagai umat Islam, kebenaran dan keadilan ini perlu diketengahkan dan kebenaran inilah yang akan akhirnya diraih mengalahkan kebatilan. **Sebagai umat Islam kita kita perlu meyakini bahawa** janji-janji Allah dalam al-Quran bahawa orang-orang yang zalim dan menentang kebenaran akan gagal jua akhirnya.

19

Membaca Qunut Nazilah pada setiap solat fardu kerana ia merupakan syariat Allah bahkan ia syiar kesatuan ukhuwah Islam. Jika kita bersimpati dengan saudara seiman yang dizalimi bantulah mereka. Jarak bukannya penghalang untuk menghulurkan bantuan. Meskipun terhalang, tiada siapa yang mampu menghalang senjata doa umat Islam bahkan syariat Allah ini kekal utuh sepanjang zaman. Ianya sangat penting bagi kita yang bakal menjadi warga akhir zaman.

20



Masa depan bakal menyaksikan tribulasi dan tragedi akan bertimpas-timpa menimpa umat Islam. Ini bukan andaian atau ramalan bahkan realiti yang ditegaskan oleh baginda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu:

21

يَتَقَارَبُ الزَّمَانُ وَيَنْقُصُ الْعَمَلُ، وَيُلْقَى الشُّحُّ وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ. قَالُوا وَمَا  
الْهَرْجُ قَالَ "الْفَتْلُ، الْفَتْلُ"

"Masa semakin cepat, amal semakin berkurangan, bakhil semakin melampau dan al-haraj semakin menjadi-jadi." Sahabat bertanya: "Apa itu al-haraj?" "Pembunuhan, pembunuhan!."

22

(Riwayat al-Bukhari).

Beginu juga, kebimbangan perlu dirasakan kerana terdapat kemungkinan peperangan boleh merebak ke negara-negara berdekatan. Ia mengundang peperangan yang lebih besar dan meluas. Kesannya, kebencian sesama manusia akan berkembang dan sukar dibendung akibat daripada perbezaan ideologi pemikiran dan pemahaman masing-masing pada masa akan datang.

23

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatan agar dijadikan pedoman dan panduan kita. Antaranya ialah:

1. Umat Islam hendaklah bersabar dan bermunajat kepada Allah dalam setiap ujian yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT.
2. Penduduk Palestin telah lama hidup di bawah pendudukan Israel. Mereka ditindas dan dizalimi dalam banyak aspek kehidupan seperti kebebasan bergerak, mencari rezeki, hak memiliki tanah dan rumah.

24



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا رَبَّنَا أَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا  
وَثَبَّتْ أَقْدَامَنَا وَأَنْصَرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ  
١٤٧

25

"Dan tidaklah ada yang mereka ucapkan (semasa berjuang), selain daripada berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan perbuatan kami yang melampau dalam urusan kami dan teguhkanlah tapak pendirian kami (dalam perjuangan) dan tolonglah kami mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.

26

(Surah ali-Imran : 147).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ ٰتِقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا <small>٥٦</small>
6	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
8	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ وَبِا قَاضِي الْحَاجَاتِ。
9	اللّٰهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



<p>اللّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَابِتَكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحْفَظِ وَقَاتِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	10
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحاجِ.</p>	11
<p>اللّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَىَّةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ،</p>	12
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنْتَكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ. اللّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِّ وَالرَّشَادِ.</p>	13
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah,</p>	14
<p>penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	15



<p>اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمٌ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَشْهُدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، أَنَّكَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَلَّا حُدُّ الصَّمَدُ، أَلَّا ذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.</p>	16
<p>اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، أَلَّذِينَ قَاتَلُوا إِخْرَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فِلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ ، اللَّهُمَّ شَتِّ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ، بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.</p>	17
<p>اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فِلَسْطِينِ. 2X</p>	18
<p>Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Ya Allah! sayangi dan kasihilah mereka, keluarkanlah mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianaya serta dizalimi. Ya Allah! Anugerahkanlah kemenangan kepada saudara kami kaum muslimin di Palestin.</p>	19
<p>Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Blnalah semula keamanan di bumi Palestin dan kembalikannya ke pangkuan kaum Muslimin.</p>	20



<p>اللَّهُمَّ إِنَا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَأِطْ عَلَيْهِمْ كُلَّبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ.</p>	21
<p>اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِي السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ، إِهْزِمْهُمْ، وَانْصُرْ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.</p>	22
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادَةِ وَالْمِحَنَّ، بِلْطِفَّاكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِإِلَإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	23
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَّتَنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	24
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾</p>	25
<p>فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	26